

Seorang wanita warga emas yang berdepan kesukaran berjalan disebabkan keuzuran melalui detik mencemaskan seorang diri selepas rumah didiaminya dinaiki air setinggi 0.5 meter akibat hujan lebat berikutan limpahan air Sungai Teroi, dalam kejadian di Kampung Sungai Malai, Teroi, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 9 pagi, 50 rumah di kampung itu dinaiki air juga disebabkan limpahan air dari Gunung Jerai dipindahkan ke surau berdekatan bagi mengelak keadaan bertambah buruk atas nasihat pihak berkuasa.

Mangsa Putih Ismail, 76, berkata, dia tinggal seorang diri di rumah kerana menantunya bekerja, manakala anaknya, Zaiton Osman, 48, ke sekolah menemani cucunya yang menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), manakala dua lagi cucunya bersekolah.

FAKTA
Rumah dinaiki air setinggi 0.5 meter akibat hujan lebat



PENDUDUK Kampung Sungai Malai mengharungi air bah.

Mengengsot elak bah

■ Nenek tinggal seorang diri terperangkap rumah dinaiki air

Menurutnya, dia mengengsot di atas lantai yang basah untuk naik semula ke

atas katilnya sebaik menyedari rumah mula dimasuki air.

Katanya, ketika itu dia duduk berehat di atas lantai sebelum menyedari air bercampur lumpur mula memasuki ruang tamu rumahnya.

"Saya tidak boleh berjalan menyebabkan mengengsot perlahan-lahan naik ke atas katil dalam keadaan kesejukan disebabkan pakaian basah sambil tangan sempat menyambar pakaian yang berada berhampiran bagi mengelak daripada terkena air.

"Pada masa sama, saya sempat mengambil seterika dan beberapa perkakas elektrik lain yang ada berdekatan lalu mencampakkannya ke atas katil sambil mengesot naik ke atas katil," katanya.

Katanya, dia cemas kerana hanya berseorangan, selain bimbang jika ada binatang berbisa seperti ular dan lipan memasuki rumah ketika banjir kilat berlaku.

"Saya berbaring dalam kesejukan di atas katil dan berdoa air tidak naik melebihi paras katil itu," katanya.

Bagaimanapun, dia bersyukur kerana cucunya Pangeran Syahmi Pangeran Julaini, 17, pulang ke rumah tidak lama kemudian lalu membantunya menukar pakaian yang basah.

Sementara itu, Zaiton berkata, "pada hari kejadian dia pergi ke sekolah bagi menemani anaknya yang mengambil peperiksaan UPSR.

"Saya gelisah ketika itu disebabkan hujan lebat berpanjangan dan ibu saya ber-



PUTIH

seorangan di rumah, namun anak yang menghadapi UPSR mengadu sakit perut dan mahu saya menemaninya sehingga peperiksaan tamat.

"Keadaan itu membuatkan saya serba salah, namun saya lega selepas seorang lagi anak saya menghubungi dia pulang ke rumah dan membantu neneknya," katanya.

Katanya, disebabkan banjir kilat, mereka sekeluarga dinasihatkan berpindah ke surau berdekatan, namun tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan ibunya yang uzur dan terus bermalam di rumah sementara menunggu air surut.

"Jika kami berpindah ia menyukarkan ibu untuk bergerak ke bilik air kerana kami menyediakan bilik air yang dekat dengan katilnya bagi memudahkannya bergerak di rumah.

"Alhamdulillah, cuaca hari ini (semalam) panas dan air juga mulai surut menyebab-



ZAITON mencuci rumahnya yang dilanda banjir.

kan kami boleh mencuci rumah," katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Daerah Yan Mohammad Rizal Abd Razak ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima laporan kejadian pada jam 3 petang kelmarin sebelum 15 anggota dan dua pegawai bergegas ke kawasan banjir.

Katanya, berdasarkan maklumat awal daripada Ja-

batan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati 50 rumah penduduk di kampung berkenaan terjejas.

"Berikutan itu, tindakan membantu penduduk mengangkat barang ke tempat tinggi dilakukan selain memindahkan 36 penghuni membabitkan tujuh rumah yang terjejas teruk ke pusat pemindahan sementara di surau Kampung Malai untuk perlindungan," katanya.

5 WARANTI TAHUN*

*Tertakluk pada terma & syarat. Harga selepas diskaun, tidak termasuk insurans, Semenanjang Malaysia sahaja. Peugeot dan Nasim berhak untuk mengubah tanpa memberi sebarang notis.



Peugeot 4S Centre Sg. Besi (971225-M)
No. 11, Jalan 1, Off Jalan Chan Sow Lin
55200 Sungai Besi, Kuala Lumpur

Tel : 03 9222 2126 Faks : 03 9223 0126
Tel (Service) : 03 9222 6126

www.peugeot.com.my

Peugeot Chan Sow Lin 4S Centre